

29 NOV 1996

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK SIDANG KEMUNCAK TIDAK FORMAL

JAKARTA, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean yang bermula esok.

Beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Ketua Majlis Pemuliharaan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar (SLORC) Jen Kanan Than Shwe.

Dr Mahathir juga dijadual mengunjungi Presiden Suharto sebelum menghadiri majlis jamuan di Kedutaan Besar Malaysia di sini malam ini.

Di samping ketujuh-tujuh pemimpin Asean, pemimpin Kemboja, Laos dan Myanmar yang bakal menyertai Asean telah diundang untuk menghadiri sidang kemuncak sehari itu.

Tiada agenda ditetapkan memandangkan para pemimpin itu dijangka mengadakan "perbincangan secara bebas".

Para pegawai membayangkan bahawa perbincangan mungkin menyentuh antara lain kemasukan Myanmar ke dalam Asean, perjanjian zon bebas senjata nuklear Asia Tenggara, kerjasama ekonomi di Lembangan Mekong dan mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bulan depan. --

BERNAMA

TM FAZ